



# PARLIAMEN MALAYSIA

RAJALAH KEMERDEKAAN



DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG



*Rumah 18-tingkat bagi Bangunan Parlimen Malaysia tersergam hebat menjulang*

*The imposing 18-storey tower block of Malaysia's Parliament Building dominates*

# PARLIMEN MALAYSIA

Bangunan Parlimen yang memakan belanja berjuta2 ringgit itu telah dibuka dengan resmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra ibni Al-marhum Syed Hassan Jamalullail, pada 2hb. November, 1963, dan pembukaan ini menandakan satu babak baharu dalam bidang perkembangan perlembagaan dan siasah Malaysia.

Bangunan Parlimen baharu yang dudok-nya di-atas sa-buah bukit di-Taman Bunga, Kuala Lumpur—suatu tempat yang tinggi dan indah—ia-lah suatu penghargaan yang sa-wajar-nya di-berikan kepada 'adat kebiasaan berparlimen Malaysia. Dengan ada-nya keperchayaan yang penoh oleh ra'ayat dalam hal demokrasi berparlimen maka memang-lah sesuai dan menasabah benar dengan bangunan yang indah dan permai itu.

Sa-masa meletakkan batu asas Bangunan Parlimen pada hari Ulang Tahun Yang Kelima Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31hb. Ogos, 1962, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah bertitah:

“Bangunan ..... ini ada-lah menjadi suatu bukti yang nyata dan terang menunjukkan kepada dunia betapa kuat dan tegoh-nya ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu berpegang kepada demokrasi sa-chara berparlimen dan ada-lah juga menjadi tanda menunjukkan kita ada-lah meng'amalkan sa-mulia2 'adat demokrasi berparlimen dan akan sentiasa berbuat yang sa-demikian itu.”

Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj, telah juga beruchap dalam isti'adat tersebut: “Dalam Dewan ini-lah untong nasib negeri ini akan di-binchang dan di-debatkan.....Semangat negara berkubar dari dalam Dewan ini, ia-itu jantung negara.”

Dengan sempurna-nya bangunan Parlimen ini maka terchapai-lah chita2 ra'ayat Malaysia yang sudah beberapa lama hendak menempatkan dewan undangan mereka yang tertinggi itu dalam sa-buah bangunan yang sesuai dengan kehormatan dan kebesaran-nya, serta sesuai dengan taraf mereka sa-bagai warga-negara sa-buah negara yang berdaulat.

Sudah empat tahun semenjak di-buka Parlimen (Persekutuan Tanah Melayu) yang pertama pada 12hb. September, 1959 oleh Al-marhum Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang pertama. Pembukaan Parlimen itu telah di-sebutkan sa-bagai “langkah akhir dalam peredaran sa-buah Kerajaan dalam Persekutuan Tanah Melayu yang di-wakili oleh ra'ayat sa-penoh2-nya.”

# THE PARLIAMENT OF MALAYSIA

The official opening of the multi-million-dollar Parliament Building by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, on November 2, 1963 opens a new chapter in the constitutional and political development of Malaysia.

The new Parliament-Building, located on the top of a hill in the Lake Gardens, Kuala Lumpur—a commanding and lovely site—is a worthy tribute to the Parliamentary traditions of Malaysia. The deep belief of its peoples in Parliamentary democracy does deserve a monument of this magnitude and splendour.

At the laying of the foundation stone of Parliament House on the fifth Anniversary of Malaya's independence on August 31, 1962, His Majesty declared:

“This noble edifice.....is visible proof to all the world of the faith of the Malayan people in the concept of parliamentary democracy, a majestic manifestation that we are carrying on, and will continue loyally to do so, the finest traditions of the parliamentary ideal.”

The Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, had also declared on that occasion: “In this very House the fate of the country will be discussed and debated.....The life of the nation will pulsate from this centre, the heart of the nation.”

The completion of the Parliament complex fulfils a long cherished dream of Malaysians about housing their supreme legislature in a building befitting its dignity and prestige, as well as their status as citizens of a sovereign and democratic nation.

Four years have elapsed since the inauguration of the first Parliament (of the Federation of Malaya) on September 12, 1959 by His late Majesty the first Yang di-Pertuan Agong. It was described then as “the final step in the evolution of a fully representative government in the Federation of Malaya.”

## ***Peredaran Bermula***

***pada***

***Tahun 1909***

Peredaran Parlimen, sa-benar-nya, telah bermula lebeh awal lagi—sa-buah Majlis Meshuarat Persekutuan (Federal Council) telah di-bentok dalam tahun 1909 bagi Negeri2 Melayu Bersekutu yang terdiri daripada Negeri Perak, Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Ini-lah buat pertama kali-nya Negeri2 Tanah Melayu berusaha bersama2 membentok sa-buah majlis undangan pusat sesuai dengan chara berparlimen.

Majlis Meshuarat Persekutuan yang bersidang di-Kuala Lumpur ia-lah sa-buah perhimpunan majlis yang terdiri ahli2-nya daripada sa-ramai 13 orang yang di-lantek, termasuk-lah Raja2 dalam empat buah Negeri yang tersebut dengan di-pengerusikan oleh Pesurohjaya Tinggi.

Pada tahun 1927 telah berlaku satu perubahan yang besar dalam bentok Majlis Meshuarat ia-itu Raja2 tidak lagi menjadi ahli2 Majlis Meshuarat dan diganti pula dengan empat orang Ahli2 Meshuarat Yang Tidak Resmi.

Sa-lain daripada perubahan2 yang di-buat dari masa ka-samasa dalam bentok Majlis Meshuarat Persekutuan dan ahli2-nya namun Majlis ini terus berjalan sa-bagai sa-buah Majlis Meshuarat yang terdiri ahli2-nya daripada ahli2 yang di-lantek kesemua-nya sa-hingga-lah mula Perang Dunia yang Kedua dalam bulan Disember, 1941.

Tamat peperangan dalam bulan Ogos, 1945 di-ikut pula dengan Pentadbiran Tentera British dalam Tanah Melayu sa-lama enam bulan; akhir-nya pemerentahan 'awam dapat di-puleh kembali dalam bulan Februari 1946 dengan terben-tok-nya sa-buah Majlis Penasihat yang di-lantek ahli2-nya untuk mewakili Negeri2 Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka.

## ***Evolution Begins in 1909***

Parliament's evolution, however, began much earlier—it was in 1909 that a Federal Council was established for the Federated Malay States, comprising Perak, Selangor, Pahang and Negri Sembilan. This was the first unified effort on the part of the States in Malaya to form a central legislative body on parliamentary lines.

The Federal Council, which sat in Kuala Lumpur, was a nominated assembly of thirteen members, including the Rulers of the four States, with the High Commissioner presiding.

In 1927, there was a major change in the constitution of the Council, resulting in the withdrawal of the Rulers and the appointment of four Unofficial Members.

Apart from changes from time to time in the size and nature of its membership, the Federal Council continued as a fully nominated body until the outbreak of the Second World War in December 1941.

After the end of the war in August 1945, six months of British Military Administration followed in Malaya; civil authority was finally restored in February 1946 with the setting up of a nominated Advisory Council of members representing the Malay States and the two Settlements.

*Gambar ramai ahli2 Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan Tanah Melayu yang pertama lepas perang.*

*Group photograph of members of the first post-war Federal Legislative Council.*



## ***Kemajuan Penting Mulai dalam Tahun 1948***

Dua tahun lepas daripada itu Majlis Penasihat telah di-ganti dengan Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan mengandungi 75 orang Ahli dan di-bentok di-bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948. Majlis Meshuarat ini juga terdiri ahli2-nya daripada ahli2 yang di-lantek belaka, walau pun pada hakikat-nya ia merupakan satu kemajuan perlembagaan dalam beberapa segi. Pertama-nya Majlis ini mewakili seluruh negeri Persekutuan; kedua-nya, Majlis ini mengandungi ahli2 yang di-lantek untuk menjaga kepentingan2 khas seperti getah, bijeh timah, pertanian dan kesatuan pekerja2; akhir-nya, (yang penting sa-kali dalam perkembangan siasah dalam negeri ini) ia-lah bahawa Majlis ini buat pertama kali-nya ada mengandungi lebeh bilangan ahli2 yang tidak resmi ia-itu sa-ramai dua pertiga daripada jumlah semua-nya. Majlis ini berjalan dalam keadaan seperti yang ada itu sa-lama tujuh tahun, dan dalam tempoh tujuh tahun itu beberapa perubahan telah berlaku dan tiap2 perubahan itu memberi kesan meninggikan taraf dan tanggong-jawab Majlis.

Dalam bulan Mach, 1951 telah di-bentok satu chara Kerajaan baharu yang di-gelarkan "Member System". Ini ada-lah satu langkah ka-hadapan menuju berkerajaan chara Kabinet, dan "Ahli2" sa-benar-nya ia-lah "Menteri2" belaka, memegang berbagai2 jawatan dalam tanggong-nya.

## ***Tuan Speaker***

Dalam bulan Mach, 1952 Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu dengan sukachita-nya telah mengurniakan satu Chokmar kepada Majlis Meshuarat, ini meninggikan taraf, kehormatan dan penting-nya Majlis Meshuarat tersebut. Dalam tahun yang berikut pula Pesurohjaya Tinggi berhenti menjadi Yang di-Per-tua Majlis dan di-ganti dengan sa-orang Speaker yang di-lantek.

Orang yang julong sa-kali jadi Speaker dalam Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan ia-lah Dato' Sir Mahmud bin Mat, Dato' Setia Wangsa Pahang yang berkhidmat pada bulan Ogos, 1953 hingga bulan Jun, 1955. Beliau telah di-ganti oleh Raja Sir Uda bin Raja Muhammad (sekarang Raja Tun Uda Al-haj bin Raja Muhammad, Gabnor Pulau Pinang), yang telah memegang jawatan itu hingga bulan Ogos, 1957. Menggantikan-nya sa-bagai Speaker (yang akhir) dalam Majlis Meshuarat Undangan, ia-lah Dato' Haji Abdul Malek bin Yusuf (sekarang Tun Haji Abdul Malek bin Yusuf, Gabnor Negeri Melaka). Beliau telah menyandang jawatan Speaker hingga di-bubarkan Majlis Meshuarat Undangan dalam bulan Jun, 1959.

## ***Significant Advances from 1948***

Two years later, the Advisory Council was succeeded by the Federal Legislative Council with a membership of 75, established under the Federation of Malaya Agreement of 1948. This Council was also a fully nominated assembly, although it represented a distinct constitutional advance in several respects. Firstly, it represented the entire country; secondly, it included members appointed to represent special interests such as rubber, tin, agriculture and trade unions; and finally (most significant in the subsequent political development of the country), the Council for the first time had a two-thirds Unofficial majority.


This Council functioned substantially in this form for seven years, during which time, however, several changes took place, each having the effect of enhancing the status of the Council and the responsibilities of the House.

In March 1951 a new system of government, known as the "Member System" was introduced. This was a step forward towards the present Cabinet system of government, and the "Members" were virtually "Ministers" with various portfolios under their charge.

## ***Mr Speaker***

In March 1952, Their Highnesses the Rulers were graciously pleased to present a Mace to the Council, adding to its status, prestige and importance. The following year, the High Commissioner ceased to be the President and a Speaker was appointed in his place.

The first Speaker of the Federal Legislative Council was Dato Sir Mahmud bin Mat, Dato Setia Wangsa of Pahang, who served from August 1953 to August 1955. He was succeeded by Raja Sir Uda bin Raja Muhammad (now Raja Tun Uda Al-Haj bin Raja Muhammad, Governor of Penang), who held office until August 1957. The next (and last) Speaker of the Legislative Council, Dato Haji Abdul Malek bin Yusuf (now Tun Haji Abdul Malek bin Yusuf, Governor of Malacca), served until its dissolution in June 1959.



## CHOKMAR

Chokmar yang di-kurniakan oleh Duli2 Yang Maha Mulia Raja2 Melayu ada-lah menjadi suatu tanda kekuasaan Parlimen.

Chokmar ini di-perbuat daripada bahan2 tempatan oleh Tukang2 Perak Melayu Kelantan yang terkemuka, 4 kaki 7½ inchi panjang-nya. Di-atas kepala chokmar ini ada sa-buah bintang emas pechah sa-belas yang tergantung di-antara hujung sa-buah anak bulan emas. Sa-belas buah tanda2 yang terletak di-keliling bingkai batil-nya merupakan lambang keturunan Negeri2 Melayu dan Negeri2 Selat yang ada dalam Persekutuan Tanah Melayu dahulu. Di-bawah tanda2 ini, di-muka yang bertentangan pada batil itu ada dua lambang Persekutuan. Empat kepala harimau menupang batil chokmar ini. Tangkai-nya di-perbuat daripada kayu keras yang bersalut dengan perak, dan 6 jalor emas yang berupa jambak2 padi masak jadi alat perhiasan yang utama.


Chontoh2 hasil mahsul negeri yang utama—kepingan2 kecil getah dan bijeh timah dan beberapa hulus padi ada di-tempatkan pada pangkal chokmar ini.

## THE MACE

The Mace, a magnificent gift from Their Highnesses the Rulers, is a symbol of the authority of Parliament.

Made of local materials by leading Kelantan Malay silversmiths, it measures 4 feet 7½ inches in length. Over the head of the Mace is an 11-pointed gold star hung between the tips of a gold crescent. The 11 medallions spaced round the rim of the bowl show the heraldic devices of the States and Settlements comprising the former Federation of Malaya. Below the medallions, on opposite faces of the bowl, there are two Federation crests. Four tigers' Heads support the bowl. The shaft is made of hardwood covered with silver, and its 6 gold panels shaped in the likeness of ears of ripe padi form the main decorative motif.

Encased in its base are samples of the country's main products—small pieces of rubber and tin, and a few grains of rice.




**DATO' MAHMUD bin MAT,  
Dato' Setia Wangsa, Pahang  
K.B.E., O.B.E.**

Yang di-Pertua (Speaker) yang pertama dari bulan Ogos 1953 hingga Ogos 1955. Beliau di-lahirkan pada bulan Mach 1894 di-Pahang.

Naik pangkat Jawatan Tadbir Tanah Melayu pada tahun 1927 dan menjadi Menteri Besar Pahang yang pertama dari tahun 1948 hingga 1951. Pada bulan April 1951 beliau menjadi Anggota (Member) bagi Tanah, Perlombongan dan Perhubungan hingga Ogos, 1953.

First Speaker from August, 1953 to August, 1955. He was born in March, 1894 in Pahang.

Promoted to the M.C.S. in 1927, he was Pahang's first Mentri Besar from 1948 to 1951 and Member for Lands, Mines and Communications from April, 1951 to August, 1953.





**RAJA TUN UDA AL-HAJ bin RAJA MUHAMMAD**  
**S.M.N., K.B.E., C.M.G.**

Yang di-Pertua yang kedua dari bulan Ogos 1955 hingga Ogos 1957.

Beliau di-lahirkan di-Selangor pada tahun 1894. Naik pangkat Jawatan Tadbir Tanah Melayu pada tahun 1924 dan telah berkhidmat sa-bagai Menteri Besar Selangor dari bulan Julai 1949 hingga Julai 1953 dan dari bulan November 1954 hingga Ogos 1955 dan sa-bagai Pesuruhjaya Tanah Melayu dan Singapura, London, dari bulan Julai 1953 hingga Oktober 1954.

Gabnor Pulau Pinang semenjak 30 Ogos 1957.

Second Speaker from August, 1955 to August, 1957.

He was born in Selangor in 1894. Promoted to the M.C.S. in 1924, he served as Mentri Besar, Selangor, from July, 1949 to July, 1953 and from November, 1954 to August, 1955 and as Commissioner for Malaya and Singapore, London, from July, 1953 to October, 1954.

Governor of Penang since August 30, 1957.

**TUN HAJI ABDUL MALEK bin YUSUF, S.M.N., D.M.K.**

Yang di-Pertua yang ketiga dan yang akhir bagi Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan dari bulan September 1957 hingga Julai 1959.


Beliau di-lahirkan di-Negeri Sembilan pada tahun 1899, dan telah naik pangkat Jawatan Tadbir Tanah Melayu pada tahun 1928. Menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan dari tahun 1948 hingga 1953. Anggota Lembaga Perlantikan dan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dari tahun 1953 hingga 1957.

Gabnor Melaka semenjak 31 Ogos 1959.

Third and last Speaker of the Federal Legislative Council from September, 1957 to July, 1959.

Born in Negri Sembilan in 1899, he was promoted to the M.C.S. in 1928. Became Mentri Besar, Negri Sembilan from 1948 to 1953. Member of the Public Service Appointments and Promotions Board from 1953 to 1957.

Governor of Malacca since August 31, 1959.



## ***Pilihan Raya Dalam Tahun 1955***

Dalam pada itu, oleh kerana desakan parti2 siasah dan dengan kerana menyahut seruan ra'ayat seluruh Tanah Melayu, maka dalam tahun 1954 Kerajaan Baginda Queen bersetuju menambahkan ahli2-nya hingga 98 orang, 50 Ahli2 yang Tidak Resmi di-ganti dengan 52 Ahli2 yang di-pilih dalam pilihan raya 'awam.

Ini menandakan satu kemajuan yang besar, oleh kerana bukan sahaja telah di-adakan pilihan raya buat pertama kali-nya, tetapi juga ahli2 yang di-pilih adalah lebeh bilangan-nya dalam Majlis ini.

Dalam Pilihan Raya Persekutuan yang telah di-adakan pada 27hb. Julai, 1955 Parti Perikatan (satu perkongsian tiga buah parti siasah—Pertubohan Kebangsaan Melayu Bersatu, Persatuan China Tanah Melayu dan Kongres India Tanah Melayu), di-ketuai oleh Yang di-Pertua UMNO, Tunku Abdul Rahman Putra, telah mendapat kemenangan chemerlang ia-itu mendapat 51 kerusi daripada 52 buah kerusi yang bertanding.

Tunku Abdul Rahman Putra telah di-lantek menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu dalam bulan Ogos, 1955 dan Menteri2-nya mengandongi enam orang Melayu, tiga orang China, sa-orang India dan lima orang Inggeris.

## ***Elections in 1955***

Meanwhile, as a result of pressure by political parties and in response to public opinion in the House and outside, Her Majesty's Government agreed in 1954 to replace 50 Unofficial Members in the Council by 52 elected members, and to increase its membership to 98.

This constituted a major advance, for not only were elections introduced for the first time, but there was also an elected majority in the House.

In the Federal elections held on July 27, 1955 the Alliance (a partnership of three political parties—the United Malay National Organisation, the Malayan Chinese Association and the Malayan Indian Congress), under the leadership of UMNO'S President, Tunku Abdul Rahman Putra, secured an overwhelming victory, winning 51 of the 52 elected seats.

Tunku Abdul Rahman Putra was appointed Chief Minister of the Federation of Malaya in August 1955, and his first ministerial colleagues included six Malays, three Chinese, one Indian and five Europeans.

## ***Kemerdekaan Dalam Bulan Ogos, 1957***

Berikutan dengan rombongan "Merdeka" ka-London yang di-ketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra, maka dalam bulan Februari tahun 1956 Kerajaan British telah bersetuju bahawa sa-buah Kerajaan bersendirian bertanggung-jawab sa-penoh2-nya dalam hal ehwal dalam negeri akan di-mulakan dengan serta merta. Tanah Melayu akan menchapai Kemerdekaan-nya dalam Commonwealth menjelang 31hb. Ogos, 1957.


Sa-buah Surohanjaya juri2 dan pakar2 Commonwealth yang di-ketuai oleh Rt. Hon. Lord Reid dan ahli2-nya yang lain terdiri daripada juri2 dan pakar2 dari India, Australia dan Pakistan, kemudian daripada itu telah di-lantek oleh Baginda Queen dan Raja2 Melayu, supaya mengeshorkan di-buat satu Perlembagaan bagi Tanah Melayu sa-bagai sa-buah negara yang merdeka.


Surohanjaya itu menyerahkan penyata-nya dalam bulan Februari, 1957 dan kemudian daripada itu Kerajaan Baginda Queen, Persidangan Raja2 dan Kerajaan Persekutuan telah melantek sa-buah Badan Kerja bersama untuk menghalusi penyata itu satu persatu-nya dan membuat shor2-nya. Berdasarkan shor2 ini-lah, Perlembagaan Persekutuan tahun 1957 telah di-terima dengan sa-bulat suara oleh Majlis Undangan Persekutuan dalam bulan Julai 1957.

Pada 31hb. Ogos, 1957 isti'adat Kemerdekaan yang bersejarah telah di-adakan di-Stadium Merdeka berikutan dengan tertuboh-nya sa-buah negara yang berdaulat lagi bebas yang di-kenal dengan resmi-nya sa-bagai "Persekutuan Tanah Melayu."

*Pemandangan orang ramai yang penoh sesak hadir di-Stadium Merdeka pada Hari Kemerdekaan.*

*General view of the huge crowd which packed the Merdeka Stadium on Independence Day.*





*Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra menganjurkan seruan Merdeka pada 31hb. Ogos, 1957.*

*The Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra, leading the Merdeka cheers on August 31, 1957.*

## ***Independence in August, 1957***

As a result of the "Merdeka" mission led by Tunku Abdul Rahman Putra to London, the British Government agreed in February 1956 that complete internal self-government should come into effect forthwith. Malaya was to attain full independence within the Commonwealth by August 31, 1957.

A Commission of Commonwealth jurists and statesmen, headed by the Rt. Hon. Lord Reid and with members drawn from India, Australia and Pakistan, was subsequently appointed by Her Majesty the Queen and Their Highnesses the Rulers, to recommend the form of Constitution for a fully independent and self-governing Malaya.

The Commission submitted its report in February 1957, following which Her Majesty's Government, the Conference of Rulers and the Federation Government appointed a joint working Party to make a detailed study of the report and to submit recommendations. On the basis of these recommendations, the Federal Constitution of 1957 was unanimously adopted by the Legislative Council in July of that year.

On August 31, 1957, the historic Independence ceremony took place in the Merdeka Stadium resulting in the emergence of the sovereign and independent nation officially known as "Persekutuan Tanah Melayu."



*Meshuarat Jema'ah Menteri yang pertama.*

*Meeting of First Cabinet.*

## ***Yang di-Pertuan Agong yang Pertama dan Perdana Menteri yang Pertama***

Berikut dengan syarat2 Perlembagaan Persekutuan, Persidangan Raja2 telah melantik Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, menjadi Yang di-Pertuan Agong yang pertama Persekutuan Tanah Melayu. Duli Yang Maha Mulia Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-marhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Sultan Negeri Selangor telah di-pilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

Tunku Abdul Rahman Putra telah di-lantik menjadi Perdana Menteri yang pertama Persekutuan Tanah Melayu dan Jema'ah Menteri-nya terdiri daripada 12 orang Menteri2 yang lain. Majlis Meshuarat Undangan terus menjalankan tugasnya sa-bagai sa-buah dewan parlimen sementara, hingga di-bubarkan Majlis Meshuarat tersebut dalam bulan Jun 1959 ia-itu sa-belum di-adakan pilihan raya pertama bagi Parlimen baharu.

Pilihan Raya Persekutuan telah di-adakan pada 19hb. Ogos, 1959. Lebih daripada 73.3 peratus ra'ayat telah mengundi. Parti Perikatan telah menang dengan mendapat lebih bilangan sa-banyak dua pertiga daripada jumlah semua-nya.

## ***First King and First Prime Minister***

In accordance with the provisions of the Federal Constitution, the Conference of Rulers elected His Highness Tuanku Abdul Rahman ibni Al-marhum Tuanku Muhammad, the Yang di-Pertuan Besar of Negri Sembilan, as the first Yang di-Pertuan Agong (Supreme Head) of Persekutuan Tanah Melayu. His Highness Sultan Hisamuddin Alam Shah ibni Al-marhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Sultan of Selangor, was elected Timbalan Yang di-Pertuan Agong (Deputy Supreme Head).

Tunku Abdul Rahman Putra was appointed the first Prime Minister of the Federation of Malaya and his Cabinet included 12 other members. The Federal Legislative Council continued to function as a unicameral interim parliament until its dissolution in June 1959 before the first general elections for the new Parliament.

The Federal General Elections were held on August 19, 1959. More than 73.3 per cent of the electorate went to the polls, resulting in the Alliance being returned with a two-thirds majority.

*Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, berucap dalam Dewan Ra'ayat.*

*The Prime Minister addresses the House of Representatives.*



## ***Parlimen yang Berdua Dewan, Tahun 1959***


Dewan Parlimen, seperti yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1959, ia-lah berdua dewan, mengandungi Yang di-Pertuan Agong (sa-bagai Ketua Negara) dan dua buah Dewan—Dewan Ra'ayat yang terdiri daripada 104 orang ahli yang di-pilih kesemua-nya, dan Dewan Negara terdiri daripada 38 orang ahli yang di-lantik atau di-pilih dengan tidak sa-chara langsung. Parlimen ini berjalan sa-lama lima tahun sa-bagaimana yang telah di-tetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan, dan pada akhir tahun yang kelima maka Parlimen itu akan di-bubarkan. Atas nasihat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong boleh membubarkan Parlimen pada bila2 masa sahaja dalam tempoh lima tahun yang di-tetapkan itu.

Dewan Negara mengandungi 22 orang ahli yang di-pilih oleh sa-belas Dewan2 Undangan Negeri dan 16 orang ahli di-lantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pada hari pertama persidangan Parlimen yang pertama, Dato' Haji Mohamed Noah bin Omar telah di-pilih oleh Majlis dengan sa-bulat suara jadi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat (Tuan Speaker Dewan Ra'ayat) dan Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yasin telah di-pilih dengan sa-bulat suara oleh Ahli2 Dewan Negara jadi Yang di-Pertua Dewan Negara (President of the Senate).

*Pemandangan pada ketika Pembukaan  
suatu Persidangan Baharu Parlimen di-De-  
wan Tunku Abdul Rahman.*

*General view of the opening of a New  
Session of Parliament at the Dewan Tunku  
Abdul Rahman.*





*D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melafadzkan Titah di-Raja pada Pembukaan suatu Persidangan Baharu Parlimen.*

*His Majesty delivers the Royal Address at the Opening of a New Session of Parliament.*

## ***Bicameral Parliament in 1959***

Bicameral Parliament was established in 1959, comprising the Yang di-Pertuan Agong (Head of State) and two Dewan (Houses)—the fully-elected Dewan Ra'ayat (House of Representatives) of 104 members, and the Dewan Negara (Senate) of 38 members, nominated or indirectly elected. Its life is fixed by the Federal Constitution at five years at the end of which Parliament automatically stands dissolved. The Yang di-Pertuan Agong may, on the advice of the Prime Minister, dissolve Parliament at any time within the prescribed maximum period.

In the Senate, 22 members were elected by the Legislative Assemblies of the 11 component states, while 16 were appointed by the Yang di-Pertuan Agong.

On the first day of the first meeting of Parliament, Dato Haji Mohamed Noah bin Omar was unanimously elected by the House to be the Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat (Mr. Speaker of the House of Representatives) and Dato Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yasin was unanimously chosen by members of the Dewan Negara to be Yang di-Pertua Dewan Negara (President of the Senate).



## **YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA**

**Dato Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yasin, S.P.M.J., P.I.S., J.P.**, Yang di-Pertua Dewan Negara, telah di-lahirkan di-Muar, Johor, dalam bulan November, 1891.

Beliau telah masuk sekolah rendah di-Muar dan di-Johor Baharu dan telah menamatkan persekolahan-nya di-Raffles Institution, Singapura. Kemudian dalam tahun 1910, beliau masuk jawatan Kerajaan.

Dalam tahun 1919 beliau telah di-lantek masuk Jawatan Tadbir Negeri Johor dan telah memegang beberapa jawatan tinggi termasuk-lah jawatan Bendahari, Negeri Johor, dalam tahun 1935 dan Pesuruhjaya Wilayah, Muar, dalam tahun 1941.

Beliau telah berkhidmat sa-bagai Ahli Majlis Meshuarat, Negeri Johor sa-lama delapan tahun dan sa-bagai ahli Majlis Menteri, Johor, daripada tahun 1943 sampai 1955 dan juga sa-bagai ahli Majlis Meshuarat Kerajaan Johor daripada tahun 1949 sampai 1955.

Dalam tahun 1959 Dato Haji Abdul Rahman telah di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menjadi Ahli Dewan Negara sa-lama enam tahun dan telah di-pilih dengan sa-bulat suara oleh Dewan Negara menjadi Yang di-Pertua Dewan Negara yang pertama.

## **PRESIDENT OF THE SENATE**

**Dato Haji Abdul Rahman bin Mohamed Yasin, S.P.M.J., P.I.S., J.P.**, President of the Senate, was born in Muar, Johore in November 1891.

He received his primary education in Muar and Johore Bahru, Johore and completed his education in Raffles Institution, Singapore. He joined Government service in 1910, and in 1919 was promoted to the Johore Civil Service. He was State Treasurer, Johore in 1935 and State Commissioner of Muar in 1941.

He served as a Member of the Johore State Council for eight years and as a Member of the Johore Council of Ministers from 1943 to 1955 as well as the Johore Executive Council from 1949 to 1955.

In 1959 he was appointed Senator for a period of six years by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and was unanimously elected by the Senate to be its first President.

## TUAN SPEAKER

Dato Haji Mohamed Noah bin Omar, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P., yang menjadi Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat semenjak bulan September tahun 1959 telah di-lahirkan di-Muar, Johor, dalam bulan Ogos tahun 1897.

Beliau mula2 mendapat pelajaran di-Sekolah Melayu, kemudian pada tahun 1914 melanjutkan pelajaran-nya di-Beirut. Setelah itu beliau masuk Maktab Syrian Protestant (sekarang di-kenal dengan nama American University of Beirut) dan di-Maktab itu-lah beliau mendapat pelajaran Inggeris sa-hingga beliau balek ka-Tanah Melayu pada akhir tahun 1919.

Dato Haji Noah telah berkhidmat dalam Jawatan Tadbir Kerajaan Johor sa-bagai Pengadil, Pegawai Daerah di-Segamat dan Yang di-Pertua Jabatan Hal Ehwal Ugama sa-hingga bulan Ogos, 1950, apabila beliau bersara.

Sa-telah bersara, beliau telah berjaya dalam pilihan raya Negeri Johor, di-pilih menjadi Ahli Majlis Meshuarat, Negeri Johor, dan juga di-lantek menjadi Ahli Majlis Meshuarat Kerajaan Johor, daripada tahun 1955 sampai bulan Jun, 1959. Beliau telah juga berkhidmat sa-bagai Ahli yang di-lantek dalam Majlis Meshuarat Undangan Persekutuan daripada 16 haribulan Februari, 1951 hingga 30 haribulan Jun, 1959.

Dalam bulan Ogos, 1959, beliau telah berjaya dalam Pilihan Raya Parlimen bagi kawasan Johor Bahru Timor dan pada 11 haribulan September, 1959, telah di-pilih dengan sa-bulat suara menyangandang jawatan Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat yang pertama.



## MR. SPEAKER

Dato Hj. Mohamed Noah bin Omar, P.M.N., S.P.M.J., D.P.M.B., P.I.S., J.P., Speaker of the House of Representatives since September 1959, was born in Muar, Johore, in August 1897.

He received his early schooling in Muar and went abroad in 1914 to Beirut to further his studies. He joined the Syrian Protestant College (now known as American University of Beirut) where he received his formal English education until his return to Malaya at the end of 1919.

He was a member of the Johore Civil Service and served as magistrate, as District Officer, Segamat and President of the Department of Religious Affairs, Johore, until his retirement in August 1950.

After his retirement, he successfully contested the Johore State elections and became a member of both the Johore State and Executive Councils from 1955 to June 1959. He also served as a Nominated Member of the Federal Legislative Council from February 1951 to June 1959.

In August 1959 he was elected Member of Parliament for Johore Bahru Timor Constituency and on September 11, 1959 was unanimously elected Speaker of the House of Representatives.

## Malaysia

Satu sejarah baharu dalam tawarikh Parlimen Malaysia telah bermula pada 27hb. Mei, 1961 apabila Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman telah menyatakan buat pertama kali-nya akan chadangan-nya hendak menyatukan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah (pada masa itu dikenal sa-bagai Borneo Utara).

Chadangan Tunku itu telah di-terima dengan baik oleh ahli2 Dewan Negeri dalam kelima2 buah negeri itu. Dalam Persidangan tempatan Persatuan Parlimen Commonwealth yang telah di-adakan di-Singapura pada bulan Julai, 1961, mas'alah Malaysia telah di-binchangkan bersama — buat pertama kali-nya — oleh Ahli2 Meshuarat Undangan lima buah negeri tersebut. Wakil2 daripada Sabah dan Sarawak telah menchadangkan penubohan satu Jawatankuasa Perundingan Setia-kawan Malaysia di-bawah anjoran Persatuan Parlimen Commonwealth.

“Apa yang telah nyata terhasil dalam persidangan tersebut ia-lah bahawa wakil2 yang membentok fikiran orang ramai dalam negeri-nya masing2 itu yakin bahawa Malaysia ada-lah mustahak dan tidak boleh tidak mesti di-tubuhkan.” Demikian kata penyata Persatuan Parlimen Commonwealth.

Jawatankuasa Perundingan Setia-kawan Malaysia telah bersidang empat kali di-antara bulan Ogos, 1961 dengan Februari, 1962, kerana hendak menyediaan satu memorandam yang menyatakan bahawa Ahli2 Jawatankuasa itu mengulang akan penerimaan dan sokongan-nya terhadap gagasan Malaysia.

Pada 18hb. Oktober, 1961 Dewan Ra'ayat telah meluluskan Usul Perdana Menteri yang menyatakan persetujuan pada dasar-nya mengenai Rancangan Malaysia.

Dalam bulan November, 1961 Perdana Menteri Tanah Melayu dan Perdana Menteri Great Britain telah bertemu di-London dan bersetuju bahawa pembentukan Malaysia ia-lah “satu matlamat yang di-chita2kan”.

Awal tahun 1962, Surohanjaya Penyelidek Cobbold yang telah di-lantek oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Great Britain kerana hendak menentukan pandangan ra'ayat Sarawak dan Sabah terhadap kemasokan-nya dalam Malaysia, telah menjalankan tugas-nya. Surohanjaya itu telah mengambil masa sa-lama dua bulan melawat dua buah wilayah itu dan berjumpa dengan tidak kurang daripada 4,000 orang ra'ayat di-sana serta menimbangkan le-beh kurang 2,000 surat2 dan memorandam.

## **Malaysia**

A new era in Malaysia's parliamentary history began on May 27, 1961 on which date the Prime Minister, Tunku Abdul Rahman Putra, first spoke of his ideas regarding the coming together of Malaya, Singapore and the Borneo territories of Sarawak, Brunei and Sabah (then North Borneo).

The Tunku's concept was enthusiastically received by parliamentarians in the five territories. At the regional conference of the Commonwealth Parliamentary Association held in Singapore in July 1961, Malaysia was jointly discussed—for the first time—by members of the legislatures of the five territories. Delegates from Sabah and Sarawak took the initiative to propose the formation of a Malaysia Solidarity Consultative Committee under the auspices of the Commonwealth Parliamentary Association.

“What emerged clearly from the conference was that the delegates who shape and mould public opinion in their respective territories were convinced both of the necessity and inevitability of Malaysia,” said the C.P.A. statement.

The Malaysia Solidarity Consultative Committee met four times between August 1961 and February 1962 to prepare a memorandum in which its members reiterated their acceptance of and support for the concept of Malaysia.

On October 18, 1961 the Dewan Ra'ayat passed the motion of the Prime Minister expressing approval of the Malaysia Plan in principle.

In November 1961, the Prime Ministers of Malaya and Great Britain met in London and agreed that the establishment of Malaysia was “a desirable aim.”

Early in 1962, the Cobbold Commission of Inquiry, jointly appointed by the Governments of the Federation of Malaya and the United Kingdom to ascertain the views of the people of Sarawak and Sabah about the entry of their states into Malaysia carried out its mission. The Commission spent two months travelling widely throughout the two territories interviewing no less than 4,000 people and considering some 2,200 letters and memoranda.

Surohanjaya itu dengan sa-bulat suara telah menchapai keputusan bahawa sa-bahagian besar daripada jumlah ra'ayat di-kedua wilayah itu bersetuju hendak masok dalam Malaysia memberi syarat2 dan jaminan2-nya yang menasabah.

Penyata Surohanjaya itu telah di-terima oleh kedua2 Kerajaan Tanah Melayu dan Kerajaan Great Britain dalam bulan Julai, 1962.

Berikutan dengan penerimaan penyata Surohanjaya Cobbold itu, sa-buah Jawatankuasa Bersama antara Kerajaan dengan Kerajaan dengan di-pengerusi-kan oleh Lord Lansdowne (mengandongi wakil2 Kerajaan Tanah Melayu, British, Sarawak dan Sabah), telah di-tubuhkan untuk mengatorkan satu persatu-nya rancangan hendak menubuhkan Malaysia. Penyata Jawatankuasa itu yang telah di-terbitkan pada 27hb. Februari 1963 menhadangkan bahawa kandungan mustahak dalam Perlembagaan Malaysia hendak-lah berdasarkan dengan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan syarat bahawa hendak-lah di-jaga kepentingan khas negeri Sabah dan Sarawak. Dalam bulan Mach dewan Undangan Sarawak dan Sabah telah meluluskan penyata Jawatankuasa Bersama antara Kerajaan dengan Kerajaan, dewan Undangan Sabah meluluskan penyata itu dengan sa-bulat suara.

Pada 9hb. Julai, 1963, Perjanjian Malaysia telah terchapai di-antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom of Great Britain dan North Ireland, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Singapura hendak menubuhkan Malaysia dengan syarat Kerajaan tiap2 negeri itu dapat meluluskan undang2 yang mustahak di-luluskan.

Dalam bulan Ogos, Tunku Abdul Rahman telah melaporkan dalam Parlimen berkenaan dengan Perjanjian Malaysia yang telah di-setujui di-London dan Undang2 Malaysia telah di-luluskan supaya berjalan kuat-kuasa-nya pada 31hb. Ogos, 1963 atau pada apa2 tarikh kemudian daripada itu mengikut apa yang telah di-tetapkan sa-belum daripada tarikh 31hb. Ogos tersebut untuk menjalankan kuat-kuasa undang2 itu dengan di-mashhorkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, sesuai dengan keputusan Jema'ah Menteri Persekutuan pada 7hb. Ogos hendak menanggohkan tertuboh-nya Malaysia sa-lama beberapa hari supaya dapat wakil2 Setia-usaha Agong Bangsa2 Bersatu dan rombongan-nya menyiapkan kerja hendak menentukan hasrat ra'ayat Sabah dan Sarawak.

Pada masa itu juga, Dewan Undangan Singapura, Sabah dan Sarawak telah meluluskan ketetapan2 yang mustahak supaya dapat di-tubuhkan Malaysia, dan isti'adat menubuhkan-nya telah pun di-adakan pada 16hb. September, 1963.

Dewan Ra'ayat Malaysia akan mengandongi sa-ramai 159 Ahli yang di-pilih—104 Ahli datang daripada Tanah Melayu, 16 daripada Sabah, 24 daripada

The Commission reached the unanimous conclusion that the substantial majority of the people in both territories was in favour of joining Malaysia, given suitable conditions and safeguards.

The Report of the Commission was accepted by both the Malayan and British Governments in July 1962.

Following the acceptance of the Cobbold Commission Report, the Inter-Governmental Committee under the chairmanship of Lord Lansdowne (comprising representatives of the Malayan, British, Sarawak and Sabah governments) was set up to work out detailed arrangements for the establishment of Malaysia. The Committee's report which was published on February 27, 1963, proposed that the Constitution of Malaysia should be based in its essentials on the Constitution of the Federation of Malaya subject to safeguards for the special interests of Sabah and Sarawak. In March the Sarawak and Sabah legislatures adopted the report of the Inter-Governmental Committee, the latter unanimously.

On July 9, 1963 the Malaysia Agreement was concluded between the Federation of Malaya, United Kingdom of Great Britain and North Ireland, North Borneo (Sabah), Sarawak and Singapore providing for the establishment of Malaysia subject to the passing of necessary legislation by the various governments.

In August, Tunku Abdul Rahman reported to Parliament on the Malaysia Accord reached in London and the Malaysia Act was passed to come into force on August 31, 1963 or "such later date as may, before the said thirty-first day of August, have been specified for the purpose by proclamation of the Yang di-Pertuan Agong", in keeping with the decision of the Malayan Cabinet on August seventh to postpone Malaysia a few days in order to allow the U.N. Secretary General's representative and his working teams to complete their work of ascertaining the wishes of the peoples of Sabah and Sarawak.

The legislatures of Singapore, Sabah and Sarawak also adopted, in due course, the necessary resolutions enabling the formation of Malaysia which was ceremonially inaugurated on September 16, 1963.

The Dewan Ra'ayat of Malaysia will consist of 159 elected members—104 from Malaya, 16 from Sabah, 24 from Sarawak and 15 from Singapore. The Dewan Negara will have 50 members—28 Senators to represent the Legislative Assemblies of the 14 constituent states and 22 nominated members.

The establishment of Malaysia means that full-fledged parliamentary democracy and practice have been extended to embrace a large part of South-East Asia. The Malaysian Parliament thus becomes a vital living force in this part of the



*Do'a sa-belum di-mulakan tiap2 satu Persidangan Parlimen.*

*The prayer before the start of every Session of Parliament.*

Sarawak dan 15 daripada Singapura. Dewan Negara akan mengandungi sa-ramai 50 Ahli—28 Ahli mewakili 14 Dewan2 Undangan Negeri dan 22 Ahli lain ada-lah di-lantek.

Dengan tertuboh-nya Malaysia bererti bahawa demokrasi dan kelaziman berparlimen benar2 telah dapat di-luaskan meliputi sa-bahagian besar daripada Asia Tenggara. Oleh yang demikian maka Parlimen Malaysia ini memberi semangat hidup yang penting kapada kawasan dunia sa-belah sini, mencherminkan kehendak2, harapan2 dan chita2 10 juta ra'ayat yang datang daripada satu keturunan yang sama, ikatan pentadbiran yang sama, ekonomi, sejarah dan kebudayaan yang sama, dan kesemua-nya itu tegoh menumpukan ke'azaman-nya terhadap sa-buah Kerajaan yang berdemokrasi.

world, mirroring as it does the wishes, hopes and aspirations of some 10 million people drawn together by a common heritage, common administrative, economic, historical and cultural ties, and all firmly dedicated to the ideals of parliamentary democracy.

*Parlimen sedang bersidang.*

*Parliament in Session.*





BANGUNAN PARLIMEN MALAYSIA

# CHATETAN MENGENAI BANGUNAN PARLIMEN

Pada tahun 1959 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah memerintahkan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom, supaya menyelenggarakan pekerjaan melukis rekabentuk dan membena bangunan Dewan Parlimen yang baharu. Tempat untuk tapak-nya telah di-pilih dalam bulan Disember, 1959, di-penjuru timur laut Kebun Bunga.

Untuk mengadakan jalan yang sesuai menyampaikan kepada bangunan itu maka telah di-buat keputusan hendak membena sa-batang jalan dua sa-lari yang baharu dan juga sa-buah jejambat merentangi Jalan Swettenham.

Pekerjaan membena jalan dua sa-lari itu telah di-mulakan pada bulan Mach, 1960, dan pekerjaan membena jejambat pada bulan September, 1960.

Sementara itu, penyelidikan sedang di-jalankan berhubung dengan keperluan2 bangunan Parlimen baharu itu. Pada bulan April 1960, akitek yang di-pilih untuk tugas ini, Enche' W. I. Shipley, telah membuat suatu lawatan singkat ka-India di-mana beliau telah memeriksa dua buah bangunan Dewan Parlimen. Yang pertama ia-lah bangunan Dewan Parlimen Kerajaan Pusat di-New Delhi yang telah di-reka bentuk-nya oleh Sir Herbert Baker dan di-bena pada tahun 1929. Yang kedua ia-lah sa-buah bangunan baharu yang pada masa itu sedang dalam pembe-naan bagi Punjab, rekabentuk-nya di-selenggarakan oleh M. Le Corbusier. Banyak daripada mas'alah2 peranchangan-nya ada-lah sa-rupa dengan yang ada di-Tanah Melayu dan oleh itu beberapa banyak perkara telah dapat di-pelajari dari lawatan ini.

Pelan2 kasar dan chontoh awal-nya yang mula2 telah di-keluarkan tidak lama sa-lepas ini dan pada peringkat ini rekabentuk bangunan itu telah di-luluskan pada dasar-nya.

Rekabentuk dan rekaletak bangunan itu di-pengarohi dengan banyak-nya oleh kedudukan tapak-nya ia-itu tinggi di-sabelah utara dan churam pula arah ka-

*D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang meletakkan batu asas Bangunan Parlimen pada 31hb. Ogos, 1962. Kelihatan di-sabelah belakang Baginda ia-lah Enche S. F. Owen, Pengarah Jabatan Kerja Raya dan Enche W. I. Shipley, Akitek Jabatan Kerja Raya yang bertanggung-jawab atas projek ini.*

*His Majesty laying the foundation stone of Parliament House on August 31, 1962. Behind His Majesty are Mr. S. F. Owen, Director P.W.D. and Mr. W. I. Shipley, P.W.D. Architect responsible for the project.*




## **NOTE ON PARLIAMENT BUILDING**

In 1959 the Government of the Federation of Malaya instructed the Public Works Department of the Ministry of Works, Posts and Telecommunications to proceed with the design and construction of new Houses of Parliament. A site was selected in December, 1959, at the north-east corner of the Lake Gardens.

In order to provide a suitable approach to the building, it was decided to construct a new dual carriageway and a viaduct spanning Swettenham Road.

Work on the new carriageway was started in March, 1960, and on the viaduct in September, 1960.

Meanwhile, research was being carried out into the requirements of the new Parliament building. In April 1960, the architect selected for this undertaking, Enche W. I. Shipley, made a brief visit to India, where he inspected two Houses of Parliament. The first was that of the Central Government in New Delhi designed by Sir Herbert Baker and constructed in 1929. The second a new build-



*Bilik Meshuarat Dewan Ra'ayat dalam pembinaan.*

*Chamber of House of Representatives under construction.*

Jalan Swettenham di-sabelah timor dan selatan dan arah ka-Jalan Guillemard di-sabelah barat-nya. Dua lembah yang dalam terpaksa di-kambus. Pekerjaan menyediakan tapak ini telah di-mulakan pada bulan September, 1960 dan tanah tapak seperti yang di-sebutkan tadi itu pun di-jadikan sa-keping tanah datar tinggi 200 kaki dari muka laut.

Rekabentuk bangunan tersebut merupakan suatu mas'alah yang amat rumit yang akhir-nya terhurai dengan rupa dua bahagian utama—sa-buah bangunan tiga tingkat 380 kaki panjang dan 290 kaki lebar dan sa-buah bangunan menara 18 tingkat, 80 kaki panjang dan 80 kaki lebar dan 250 kaki tinggi-nya.

Bangunan tinggi ini tersergam hebat boleh kelihatan dari beberapa bahagian di-Ibu Negara. Dalam bangunan ini-lah di-tempatkan pejabat bagi ahli2 Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat sa-masa di-adakan persidangan Parlimen.

ing then under construction for the Punjab designed by M. Le Corbusier. Many of the planning problems were similar to those existing in Malaya and much was learnt from this visit.

The first sketch plans and preliminary model were produced shortly after this and at this stage the design of the building was approved in principle.


The design and layout of the building were very much influenced by the topography of the site, which rose steeply to the north and had steep slopes to Swettenham Road to the east and south and Guillemard Road to the west. Two very steep valleys had to be filled. Site works were started in September, 1960, and the site reduced to a plateau at 200 ft. above sea level.


The design of the building proved to be an extremely complex planning problem which eventually resolved itself into two main elements—a three-storey building 380 ft. long by 290 ft. wide and an eighteen-floor tower block 80 by 80 ft. and 250 ft. high.

The tower block visible from many parts of the Capital dominates the site and provides office accommodation for members of the Senate and House of Representatives during Parliamentary sessions.

*Bilik Meshuarat Dewan Negara hampir siap.*

*Senate Chamber nearing completion.*





*Dewan Santapan dengan kepala meja kelihatan di-sabelah hadapan.*

*Banquet Hall with the main table in the foreground.*

Ibu bangunan tiga tingkat itu mengandungi Parlimen yang sa-benar-nya, dan ia di-hubungkan dengan bangunan menara itu dengan dua buah jambatan gantung. Tingkat yang bawah sa-kali mengandungi Dewan Santapan yang boleh muat 500 orang dan sa-buah Perpustakaan yang di-gunakan bersama oleh ahli2 Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Sa-lain daripada ini pintu2 masuk yang berikut ada di-sediakan di-sekeliling bangunan ini, kebanyakan-nya membawa ka-tingkat yang pertama:—


1. Pintu Isti'adat
2. Pintu Ahli2 Dewan Negara
3. Dua Pintu ka-Dewan Santapan
4. Pintu Akhbar dan Orang Luar
5. Pintu Kaki-tangan Tetap
6. Pintu Pekerja2

The main 3-storey building which houses Parliament proper is linked to the tower block by two fly-over bridges. The ground floor contains a Banquet Hall with a maximum seating capacity of 500 and the main Library used jointly by members of the Upper and Lower Houses. In addition to this the following entrance halls are provided around the perimeter of the building, most of these leading to the first floor:—

1. Ceremonial Entrance
2. Members of Senate Entrance
3. Two Entrances to the Banquet Hall
4. Press and Strangers Entrance
5. Permanent Staff Entrance
6. Service Entrance

*Ruang sambutan bagi Dewan Santapan.*

*Reception area of the Banquet Hall.*



Tingkat yang pertama mengandongi dua buah dewan—Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat. Kedua2 dewan ini ada tempat dudok saperti berikut:—

#### **Dewan Negara**

1. Ahli2—60
2. Tempat Tetamu2 Jemputan—30
3. Tempat Pegawai2 Kerajaan—30
4. Akhbar—24
5. Orang2 Luar—78

#### **Dewan Ra'ayat**

1. Ahli2—160
2. Tempat Tetamu2 Jemputan—63
3. Tempat Pegawai2 Kerajaan—63
4. Akhbar—36
5. Orang2 Luar—200

Kedua2 dewan itu di-lengkapkan dengan segala kemudahan yang perlu disediakan dalam sa-buah dewan persidangan yang moden—alatan yang berasingan untok menyampaikan sa-rentak ucapan2 serta dengan terjemahan-nya sa-kali.

Sa-belah menyabelah dengan tiap2 satu dewan itu ada bilek rehat dan bilek minum kopi yang bertutup.

Tingkat yang pertama itu ada juga tempat bagi kaki-tangan tetap, Akhbar dan Orang2 Luar.

Tingkat yang kedua mengandongi dua anjong yang berasingan, di-hubongkan pada bahagian hadapan bangunan itu oleh satu tingkat perantaraan dan pada bahagian belakang-nya oleh satu tempat berjalan2 yang beratap.

Anjong yang pertama ada dua buah bilek makan dengan sa-buah dapur pusat. Bilek makan yang pertama ia-lah bagi kegunaan khusus ahli2 Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat, dan bilek makan yang kedua pula bagi ahli2 dan juga tetamu2 jemputan serta pegawai2 Kerajaan. Anjong yang kedua mengandongi dua buah Bilek Jawatankuasa yang besar, tiap2 satu boleh muat 30 orang, dan empat buah Bilek Jawatankuasa yang kechil, tiap2 satu muat 12 orang. Di-anjong ini juga ada di-tempatkan sa-buah pejabat dan bilek rehat bagi pegawai2 Kerajaan dan juga sa-buah pejabat serta bilek rehat bagi Persatuan Parlimen Commonwealth. Bahagian yang sa-lebih-nya pada tingkat ini ia-lah halaman kosong ditembusi oleh bumbong Dewan Ra'ayat dan Dewan Negara. Halaman ini ada beberapa kolam yang berbayangan terletak dalam sa-buah taman.

Di-hadapan bangunan menara itu ada padang perbarisan isti'adat dan pada satu penjuru padang ini ada tempat dudok kekal bagi tetamu2 jemputan. Meng-

The first floor contains the two chambers—the Upper House (Senate) and Lower House (House of Representatives). Accommodation in the two chambers is as follows:—

#### **Senate Chamber**

1. Members—60
2. Gallery for Invited Guests—30
3. Government Officials Gallery—30
4. Press—24
5. Strangers—78

#### **House of Representatives**

1. Members—160
2. Gallery for Invited Guests—63
3. Government Officials Gallery—63
4. Press—36
5. Strangers—200

Both Chambers are fitted with all the facilities essential in a modern Conference Hall—separate equipment which provide for the simultaneous transmission as well as translation of speeches.


Adjacent to each chamber are a lounge and enclosed coffee room.

The first floor also has accommodation for the permanent staff, Press and Strangers.

The second floor consists of two separate wings connected at the front of the building by a mezzanine floor in the main concourse and at the rear by a covered promenade.

The first of these two wings has two dining rooms served by a central kitchen. The first dining room is for the exclusive use of members of the Upper and Lower Houses, the second for members as well as invited guests and Government officials. The second wing contains two large Committee Rooms each seating 30 persons, and four smaller Committee Rooms each seating 12 persons. This wing also provides an office and lounge for Government officials as well as an office and lounge for the Commonwealth Parliamentary Association. The remaining part of this floor is a central open court-yard pierced by the roof of the House of Representatives and the Senate Chamber. This court-yard has a series of reflecting pools set in a garden.

In front of the tower block is a ceremonial parade ground at one end of which is a permanent stand for invited guests. Cantilevered from the tower block




*Pemandangan pintu besar masuk ka-Dewan Ra'ayat dan dua buah jambatan gantung yang menghubungkan Ibu-Bangunan dengan bahagian rumah 18-tingkat.*

*View of the main entrance to the House of Representatives and the two fly-over bridges linking the main building and the Tower block.*

*Halaman besar berhampiran dengan pintu istiadat.*

*Main courtyard near the ceremonial entrance.*



anjor dari bangunan menara pada had tingkat pertama-nya ada sa-buah lagi tempat dudok menghadap ka-padang perbarisan juga bagi Anggota2 Parlimen.

Sa-buah lagi bangunan kechil terletak di-bahagian belakang kawasan itu ia-itu tempat alat pendingin bagi ibu jentera pendingin hawa serta dengan sa-buah jenereter simpanan dan alatan pam.

Untok menyiapkan perojek ini dalam masa  $3\frac{1}{2}$  tahun yang telah di-tetapkan ia-itu dari masa di-luluskan pelan2 kasar-nya, dan memandang kapada kesukaran untok mengeluarkan lukisan2 borongan yang lengkap sa-belum di-mulakan pekerjaan pembenaan itu, maka perojek itu telah di-bahagikan kapada empat peringkat yang berasingan.

Peringkat yang pertama ia-lah bagi tapak yang berpail dan pembenaan 'cellular raft' bagi bangunan menara. Ujian tapak itu telah di-jalankan, dan keperluan2 bagi tapak bangunan menara itu telah di-kaji dengan lanjut dan teliti, dan kerja membuat pailing pun di-mulakan dari bulan Mei, 1961 lagi.

Sa-masa pekerjaan ini di-jalankan, rangka bangunan menara dan ibu bangunan itu, di-buat dari batu simin berbesi, di-reka bentok-nya. Suatu pemborongan telah di-tawarkan bagi membena rangka batu simin berbesi untok bangunan menara itu (Peringkat Dua) dan kerja-nya pun di-mulakan pada bulan Januari, 1962. Pada bulan yang berikut-nya rangka batu simin berbesi untok ibu bangunan pula di-mulakan (Peringkat Tiga). Suatu pemborongan yang akhir telah di-tawarkan pada bulan September, 1962, bagi menyiapkan perojek tersebut termasuk semua kerja penyudahan dan perkhidmatan (Peringkat Empat).

Pada 31 Ogos, 1962, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah meletakkan Batu Asas-nya.

Sa-lepas tarikh itu kerja pun di-teruskan sa-lama 14 bulan yang berikutnya dengan lebeh kurang 1,000 orang pekerja bekerja sa-tiap hari dan bayaran bagi kadar kerja yang di-siapkan ia-lah lebeh kurang sa-juta ringgit sa-bulan.

at first floor level is another stand also overlooking the parade ground for Members of Parliament.

One other small building is situated at the rear of the site, housing the cooling towers for the main airconditioning plant together with a standby generator and pumping equipment.

In order to complete this project within the specified 3½ years from approval of sketch plans, and in view of the difficulty of producing complete contract drawings before building operations commenced, the project was divided into four separate phases.

Phase One was for the piled foundations and the construction of a cellular raft for the Tower block. Site tests were carried out, an analysis of the foundation requirements for the tower block was made and piling commenced as early as May, 1961.

Whilst this work was proceeding the reinforced concrete frame of the tower block and main building was being designed. A contract was let for the construction of the reinforced concrete frame of the tower block (Phase Two) and work commenced in January, 1962. The following month the reinforced concrete frame for the main building was started (Phase Three). A final contract was let in September, 1962, for the completion of the project including all finishes and services (Phase Four).

On August 31, 1962, His Majesty the Yang di-Pertuan Agong laid the Foundation Stone.

After that date work continued for the next 14 months with approximately 1,000 workmen on the site every day and progress payments were in the region of \$1/- million per month.



*Pemandangan dari dalam jambatan gantung menghala ka bahagian dalam ibu bangunan.*

*View inside fly-over bridge looking into the main building.*

*Pemandangan Bangunan Parlimen dari Udara.*

*Aerial view of Parliament House.*





# **KAKI-TANGAN JABATAN KERJA RAYA YANG BERKENAAN DENGAN REKABENTOK DAN PEMBENAAN BANGUNAN PARLIMEN**

## **Pengarah**

Enche S. F. Owen, J.M.N., C.B.E., M.I.C.E., F.A.S.C.E.,  
M.I.W.E., M.I.E. (FM)

## **Penolong Pengarah (Bangunan)**

Enche D. Rew, D.A. (Glasgow), A.R.I.B.A.

## **Penolong Pengarah (Jalan-ray)**

Enche F. G. Duggan, J.M.N., B.Eng., A.M.I.C.E.

## **Penolong Pengarah (Bekalan Ayer)**

Enche Thean Lip Thong, B.Sc. (Eng.) (Hons.), M.I.C.E., M.I.E. (FM)

## **Penolong Pengarah (Ukor Bahan)**

Enche L. Chin Yun Howe, F.R.I.C.S.

## **Akitek**

Enche W. I. Shipley, M.B.E., A.A. Dip. A.R.I.B.A.

## **Perunding<sup>2</sup>**

Benaan—Bolton, Hennessy & Edmonds

Letrik dan Jentera—Thomas Anderson

Ukor Bahan—Frank & Vargeson

**Pemborong Utama**—Sharikat K. C. Boon & Cheah Berhad

**Pemborong Utama bagi Jejambat**—Wong Sik Choong

# PERSONNEL OF THE PUBLIC WORKS DEPARTMENT CONCERNED IN THE DESIGN AND CONSTRUCTION OF PARLIAMENT BUILDING

## Director

Mr. S. F. Owen, J.M.N., C.B.E., M.I.C.E., F.A.S.C.E.,  
M.I.W.E., M.I.E. (FM).

## Asst. Director (Buildings)

Mr. D. Rew, D.A. (Glasgow), A.R.I.B.A.

## Asst. Director (Roads)

Mr. F. G. Duggan, J.M.N., B.Eng., A.M.I.C.E.

## Asst. Director (Water Supplies)

Mr. Thean Lip Thong, B.Sc. (Eng.) (Hons.), M.I.C.E., M.I.E. (FM).

## Asst. Director (Quantity Surveying)

Mr. L. Chin Yun Howe, F.R.I.C.S.

## Architect

Mr. W. I. Shipley, M.B.E., A.A. Dip. A.R.I.B.A.

## Consultants

Structural—Bolton, Hennessy & Edmonds

Electrical & Mechanical—Thomas Anderson

Quantity Surveyors—Frank & Vargeson

Main Contractor—K. C. Boon & Cheah Co. Ltd.

Main Contractor for Viaduct—Wong Sik Choong

